

**ECRL: Kerajaan negeri Selangor tetap dengan pendirian pilih Jajaran Selatan**  
**Astro Awani**  
**31 Mac 2021**  
**Bernamea**

SHAH ALAM : Kerajaan Negeri Selangor tetap dengan pendirian memilih Jajaran Selatan Selangor (Hulu Langat-Sepang-Westport) sebagai laluan bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di negeri itu berbanding Jajaran Utara Selangor (Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang).

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata Jajaran Selatan dipilih kerana akan membuka lebih banyak ekonomi baharu di bahagian Selatan, mengelak gangguan di kawasan tadahan air sekitar Lembangan Sungai Selangor dan menyelesaikan isu pengambil tanah serta perpindahan penduduk melibatkan Jajaran Utara.

"Jajaran itu (Jajaran Utara) sudah lama ditolak dan kita telah melengkapkan segala kajian kepada Jajaran Selatan.

"Jadi isu untuk mempercepat atau melewatkan (projek ECRL) adalah disebabkan oleh keputusan Kerajaan Persekutuan yang mengubah kembali kepada laluan utara," katanya pada sidang media selepas menyerahkan Biasiswa Selangor Bitara dan Biasiswa Khas Datuk Menteri Besar Selangor di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri berpendapat jika projek itu ingin dipercepat, kerajaan pusat patut memilih Jajaran Selatan kerana semuanya sudah lengkap.

"Jajaran Utara banyak perkara yang belum lengkap, antaranya pengambilalihan tanah dan perpindahan beberapa penduduk di Kampung Keretapi, Ijok... ia akan mengambil masa," katanya.

"Itulah sebabnya dalam keputusan rasmi kami memilih Jajaran Selatan meskipun Jajaran Utara mempunyai kelebihan tersendiri kerana ia akan menyelesaikan isu Serendah Bypass," katanya.

Aminudin berkata kerajaan negeri berpendapat Serendah Bypass masih boleh dilaksanakan dengan belanjawan berasingan manakala isu Jajaran Selatan masih boleh diselesaikan tanpa pembiayaan atau kos tambahan.

Isnin lepas, Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata kerajaan pusat menanggung kerugian kira-kira RM1.25 juta sehari ekoran keputusan Kerajaan Negeri Selangor menangguhkan persetujuan penjajaran semula projek ECRL.

-- BERNAMA

**© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ecrl-kerajaan-negeri-selangor-tetap-dengan-pendirian-pilih-jajaran-selatan-291069>